



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA  
DAN TRANSFORMASI AIR

## KENYATAAN MEDIA

### **PEMAKLUMAN PERUBAHAN NAMA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN DAYA GUNA AWAM (KPTDGA) KEPADA KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)**

---

**PUTRAJAYA, 8 FEBRUARI 2024** - Kabinet semalam telah meluluskan cadangan menamakan semula **Kementerian Peralihan Tenaga dan Daya Guna Awam (KPTDGA)** kepada **Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)** atau dalam Bahasa Inggeris, **Ministry of Energy Transition and Water Transformation (PETRA)**. Cadangan menamakan semula Kementerian ini telah dibawa oleh YAB Menteri, Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

Perubahan ini bagi menggambarkan peranan sebenar dan tanggungjawab Kementerian berkaitan dengan **usaha transformasi dalam bidang tenaga dan air Negara**. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa aspirasi Kerajaan melalui fungsi dan tugas Kementerian ini dapat difahami dengan lebih jelas oleh masyarakat umum melalui nama baharu tersebut.

Pemilihan akronim Kementerian pula telah ditentukan melalui pertandingan secara terbuka kepada warga Kementerian dan jabatan serta agensi

dibawahnya. Sejumlah 105 cadangan akronim telah di terima dan **PETRA** telah terpilih sebagai akronim Kementerian baharu ini.

Akronim tersebut merujuk kepada pemilihan huruf-huruf terpilih yang dikaitkan dengan nama Kementerian. **PERALIHAN TENAGA** dizahirkan secara simbolik pada tiga (3) huruf pertama (**PET**), manakala **TRANSFORMASI AIR** juga dizahirkan secara simbolik melalui tiga (3) huruf terakhir akronim berkenaan (**TRA**). Sektor **Tenaga** dan **Air** yang merupakan komponen terpenting dalam kehidupan kita dan kesejahteraan rakyat akan digalas oleh Kementerian ini.

Sehubungan itu, nama **Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)**, akan digunakan secara rasmi ke atas segala urusan berkaitan dengan Kementerian.

## **KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)**

**8 Februari 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763